Mekanisme Penyelesaian Hutang bagi Perniagaan Berdaya Maju yang Menghadapi Kesukaran Kewangan Sementara

Rangka kerja penyelesaian hutang yang kukuh kekal mustahak untuk mengurangkan curam ketaksolvenan (*insolvency cliff*) dan memberikan sokongan yang penting kepada syarikat yang bermasalah tetapi berdaya maju. Semasa tempoh krisis, jumlah syarikat yang menghadapi keadaan sedemikian boleh mencetuskan prosiding kebankrapan pramatang yang meluas dan merencatkan pemulihan ekonomi. Berbekalkan pengalaman daripada Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC), Malaysia telah mewujudkan mekanisme penstrukturan semula hutang di luar mahkamah yang mantap untuk segmen perniagaan yang berbeza. Ditambah pula dengan mekanisme penyelamat korporat yang dibenarkan oleh mahkamah, sektor perniagaan boleh menggunakan platform berbeza yang memudahkan penyelesaian hutang dengan pemiutang secara cekap dan berkesan. Mekanisme ini secara kolektif bertujuan:

- Membantu usaha pemulihan kedudukan kewangan dan aliran tunai serta mengelakkan kegagalan pramatang peminjam yang berdaya maju;
- Meningkatkan kepantasan dan nilai pemulihan hutang; dan
- Mengurangkan potensi kerugian kepada institusi kewangan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan prospek pemulihan.

Kesan COVID-19 yang ketara terhadap banyak perniagaan menekankan betapa pentingnya peranan mekanisme ini yang terus diperkukuh untuk meningkatkan keberkesanannya.

Mekanisme Penyelamat Korporat yang Dibenarkan oleh Mahkamah

Perniagaan berdaya maju yang menghadapi kesukaran dalam membayar balik obligasi hutang mereka boleh menggunakan tiga mekanisme penyelamat berbeza yang dibenarkan mahkamah di bawah Akta Syarikat 2016 (Companies Act 2016, CA 2016). CA 2016 memperkenalkan dua mekanisme penyelamat baharu, iaitu Perkiraan Sukarela Korporat (Corporate Voluntary Arrangement, CVA) dan Pengurusan Kehakiman (Judicial Management, JM), di samping Skim Perkiraan (Scheme of Arrangement, SOA) yang telah digunakan secara meluas sebagai alat pemulihan untuk perniagaan (Jadual 1.1).

Baru-baru ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia turut mengeluarkan dokumen konsultasi berhubung dengan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2020, yang akan meluaskan skop mekanisme penyelamat ini dan pada masa yang sama menerapkan perlindungan yang mencukupi[17] terhadap potensi penyalahgunaan. Rang undang-undang ini akan dilengkapi dengan usaha berterusan untuk mempertingkatkan keupayaan sistem mahkamah di Malaysia bagi menyokong pelaksanaan mekanisme ini secara berkesan. Pada tahun 2020, kadar penggunaan mekanisme penyelamat yang dibenarkan mahkamah ini sudah pun mencatat peningkatan yang ketara (2020: 53; 2019: 30)[18] apabila lebih banyak peminjam memohon bantuan penyelesaian, terutamanya memandangkan ketidakpastian berlarutan yang berkaitan dengan pandemik.

[17] Perlindungan ini termasuk mengkanunkan peruntukan, antara lainnya bagi memperkasa Mahkamah untuk memberikan moratorium secara automatik kepada SOA, membenarkan keutamaan paling penting untuk pembiayaan penyelamat, memperkenalkan mekanisme pemaksaan pelan pengorganisasian semula (*cramdown*) merentas kelas pemiutang dan menahan pelupusan harta semasa moratorium.

[18] Sehingga Disember 2020 (Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia).

Jadual 1.1: Mekanisme Penyelamat Korporat yang Dibenarkan oleh Mahkamah

	Perkiraan Sukarela Korporat	Pengurusan Kehakiman	Skim Perkiraan
Tarikh penubuhan	2016	2016	1965
Proses	• Penstrukturan diselia oleh pihak pengurusan syarikat tanpa banyak penglibatan pihak mahkamah • Seorang pengamal insolvensi, iaitu individu yang boleh dilantik oleh lembaga pengarah syarikat, akan menilai daya maju skim	• Kuasa pengurusan syarikat akan diletakkan di bawah pengurus kehakiman yang dilantik oleh mahkamah, yang akan menyediakan skim penstrukturan semula dan mengurus hal ehwal dan harta syarikat peminjam	• Perkiraan dengan kelulusan mahkamah diatur antara syarikat dengan pemiutang • Selepas pemfailan permohonan, mahkamah boleh melantik seorang penyelesai (*liquidator*) untuk menilai daya maju skim yang dicadangkan untuk perkiraan tersebut
Moratorium	• Selepas dokumen diserahkan kepada mahkamah, moratorium maksimum selama 28 hari akan diberikan secara automatik, dan boleh dilanjutkan sehingga 60 hari	• Selepas pemfailan permohonan, moratorium akan berkuat kuasa secara automatik selama 6 bulan dan boleh dilanjutkan selama 6 bulan lagi dengan kebenaran mahkamah	• Selepas permohonan, mahkamah boleh mengenakan perintah larangan untuk 3 bulan pertama, yang boleh dibaharui sehingga 9 bulan lagi, tertakluk pada kehendak awal statutori yang perlu dipenuhi
Kelayakan permohonan	• Kecuali: ▪ Syarikat awam ▪ Syarikat persendirian dengan pemiutang bercagar ▪ Pemegang lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK 2013), Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI 2013) dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA 2007)	• Kecuali: ▪ Syarikat awam ▪ Pemegang lesen di bawah APK 2013, APKI 2013 dan CMSA 2007	• Semua syarikat
Penyeliaan mahkamah	Minimum (untuk pemfailan dokumen perkiraan sukarela korporat sahaja)	Minimum (untuk pemberian perintah pengurusan kehakiman sahaja)	Ya

Sumber: Akta Syarikat 2016

Mekanisme Penyelamat di Luar Mahkamah

Bank telah mewujudkan dua platform penyelesaian hutang di luar mahkamah, iaitu Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Committee, CDRC) dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) (Gambar Rajah 1.1). Platform ini membantu perniagaan menstrukturkan semula hutang tanpa perlu menggunakan prosiding undang-undang yang rumit, berkos tinggi dan memakan masa. Mekanisme di luar mahkamah ini memberikan fleksibiliti yang lebih besar dari segi skop, saiz dan tumpuan penyelesaian hutang untuk mengambil kira keadaan semasa. Ketika krisis, fleksibiliti ini boleh merangkumi keupayaan untuk menyesuaikan proses dan sumber dengan lebih cepat bagi mengurangkan risiko sistemik daripada syarikat yang bermasalah. Mekanisme ini juga dapat mengelakkan sistem mahkamah menjadi terlalu sesak, terutamanya semasa krisis. Platform di luar mahkamah ini, bersama-sama dengan peningkatan keupayaan bank untuk mengurus penyelesaian hutang sejak AFC, telah membolehkan kejayaan pelan penstrukturan semula hutang bagi PKS dan syarikat korporat.

Gambar Rajah 1.1: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat dan Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil

Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC)

CDRC ditubuhkan pertama kali pada tahun 1998 untuk membantu penyelesaian hutang semasa AFC. Jawatankuasa ini diaktifkan semula pada tahun 2009 sebagai satu platform penyelesaian hutang di luar mahkamah untuk syarikat yang berdaya maju dan para pemiutang mengatur penyelesaian yang wajar dan holistik untuk melunaskan obligasi hutang (iaitu, pinjaman bank dan/atau sekuriti hutang). Dengan mengambil pengalaman berdasarkan Pendekatan London (*London Approach*) di United Kingdom, CDRC dipandu oleh prinsip yang memastikan layanan saksama kepada peminjam namun masih memaksimumkan nilai bagi pemiutang kewangan.

CDRC membantu penyelesaian pengurusan hutang bagi syarikat yang memenuhi kriteria yang berikut:

i. Keberhutangan agregat berjumlah sekurang-kurangnya RM10 juta;
ii. Berhutang dengan sekurang-kurangnya dua pemiutang kewangan;
iii. Tidak berada dalam status penerimaan *(receivership)* atau penyelesaian (*liquidation*), kecuali dalam hal hutang syarikat di mana penerima (*receiver*) telah dilantik untuk aset tertentu sahaja dan para pengarah masih mengawal keseluruhan operasi syarikat; dan
iv. Menghadapi kesukaran untuk mengurus obligasi hutang mereka tetapi belum mungkir, jika syarat bagi kriteria (i) & (ii) dipenuhi.

CDRC telah membantu 38 syarikat menyelesaikan RM14.1 bilion hutang agregat sejak tahun 2009.

Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (SDRS)

SDRS ditubuhkan pada tahun 2003 sebagai platform untuk institusi kewangan dan PKS yang berdaya maju merangka penyelesaian hutang tanpa menggunakan saluran undang-undang. Hal ini memberikan PKS peluang untuk memberi fokus kepada rancangan memulihkan perniagaan mereka.

SDRS menyokong rancangan penyelesaian pinjaman PKS yang memenuhi kriteria yang berikut:

i. PKS mempunyai pembiayaan perniagaan daripada institusi kewangan yang menyertai SDRS;[1]
ii. Pemilik/pemegang saham/penjamin perniagaan tidak muflis; dan
iii. Perniagaan bukan dalam proses tindakan undang-undang, misalnya, syarikat sedang dalam perintah penggulungan, syarikat telah digulung/ dalam penerimaan, penerima dan pengurus telah dilantik atau pengurus kehakiman telah dilantik di bawah pengurusan kehakiman.

Selain itu, perniagaan yang telah berhenti beroperasi juga layak untuk memohon untuk menyertai SDRS, dengan syarat pemilik perniagaan memiliki sumber pendapatan lain bagi memenuhi obligasi pembayaran balik pinjaman.

SDRS telah membantu penyelesaian pinjaman lebih 1,300 PKS dengan jumlah hutang sebanyak RM2 bilion sejak tahun 2003.

[1] Semua bank perdagangan, bank-bank Islam dan institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002

Sumber: Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Sejak pengaktifan semula CDRC pada tahun 2009, kriteria kemasukannya[19] telah diperkemas beberapa kali untuk membantu lebih banyak syarikat. Sementara itu, SDRS telah diserapkan ke dalam Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada bulan September 2020. Langkah ini diambil untuk menggalakkan sinergi yang lebih padu, meluaskan kehadiran SDRS menerusi saluran dalam talian AKPK yang mantap dan mewujudkan platform sehenti yang menyediakan penstrukturan semula hutang secara holistik serta pendidikan kewangan dan khidmat nasihat untuk individu dan PKS, termasuk usahawan mikro. Semua perubahan ini membolehkan CDRC dan SDRS menyokong secara berkesan pertambahan yang mungkin berlaku dalam bilangan syarikat yang memerlukan bantuan penstrukturan semula, sekali gus mengurangkan kesan buruk kepada ekonomi dan risiko yang lebih luas kepada kestabilan kewangan.

[19] Nilai ambang minimum bagi hutang agregat dipinda daripada RM100 juta kepada RM30 juta pada tahun 2010, dan dikurangkan selanjutnya kepada RM10 juta pada tahun 2017. Nilai ambang minimum bagi bilangan pemiutang kewangan yang memberikan hutang telah dipinda daripada tiga kepada dua pemiutang kewangan pada tahun 2010.